

Jalinan kerjasama UMS-UBT

►Bina kualiti tinggi dalam kalangan pelajar

UB 9.11.2017 A13

KOTA KINABALU: Pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuat lawatan kerja ke Universitas Borneo Tarakan (UBT) Indonesia.

Rombongan pelajar seramai 17 orang diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS Dr Mohd Khairuddin Abdullah itu telah berada di Tarakan selama tiga hari dua malam.

Khairuddin berkata era globalisasi dan dunia tanpa sempadan abad ke-21 adalah yang amat mencabar.

Oleh itu, amat perlu bagi mereka melihat jauh ke hadapan dalam konteks pembinaan negara bangsa dan perubahan yang dibawa

oleh era cyberspace, dalam usaha menjadi dan membentuk generasi pelajar yang berminda saintifik, kreatif, inovatif, mencintai ilmu, progresif dan berbudaya fikir, di samping berakhlaq dan beradab.

"Ini sejajar dengan seruan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang mahukan warga pendidik mempunyai kualiti tinggi dalam aspek akademik, ketramplinan, akhlak dan kental jiwa mereka.

"Lantaran itu, program penanda aras seperti ini sedikit sebanyak akan memberikan impak kepada peserta sebagai penjana pembentukan kerangka idea berkualiti tinggi," katanya.

Katanya, penanda aras itu akan membuka peluang dan pendedahan kepada para pelajar untuk mengetahui pelaksanaan sesuatu tugas oleh pihak lain dan memberi peluang untuk terus berusaha

serta memperbaiki prestasi dari semasa ke semasa.

Pengarah Program Nuraini Pawellangi berkata penanda aras itu membuka ruang kepada pelajar UMS dan UBT bertukar-tukar pendapat mengenai bidang pendidikan disamping dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar kedua-dua universiti.

Seorang peserta rombongan, Awg Zauhary Ag Omar yang bertindak selaku AJK Dokumentasi yang berasal dari Membakut, berkata melalui program itu mereka dapat melihat dan mengukur prestasi UMS berbanding orang lain.

Katanya, tanpa penanda aras, mereka mungkin menjadi 'jaguh di kampung' walhal pada hakikatnya sentiasa kalah di gelanggang lawan.

"Pelaksanaan penanda aras



PARA pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan mendengar kuliah di FPIK UBT.



KHAIRUDDIN (kanan) berbincang dengan Welyadi M.Sc dari UBT.

“ Ini sejajar dengan seruan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang mahukan warga pendidik mempunyai kualiti tinggi dalam aspek akademik, ketramplinan, akhlak dan kental jiwa mereka ”

lawatan kerja itu.

Antaranya, dapat melihat amalan kualiti kepimpinan, kualiti pengurusan dan pentadbiran dalam kalangan pentadbir pihak universiti, membina jaringan perkongsian pintar dalam ilmu kualiti kepimpinan, kualiti pengurusan dan pentadbiran universiti, selain mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta penambahbaikan dalam pengurusan kualiti pentadbiran universiti.

Setiausaha 1 Program Andi Haslinda Andi Sikandar amat gembira dan berpuas hati dengan sambutan oleh staf UBT yang begitu memuaskan dan berharap ia bukanlah lawatan kali terakhir ke Tarakan.



PARA peserta rombongan UMS diketuai oleh Khairuddin mendengar taklimat daripada Dr Suyadi selaku Dekan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FPIK) UBT.



PELAJAR Sarjana Pengurusan Pendidikan UMS berinteraksi dengan warga UBT.



PESERTA rombongan merakamkan gambar kenangan bersama staf UBT.

DR MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH

Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS

prestasi yang berkesan akan membolehkan kita bukan setakat menjadi 'ikan besar di kolam kecil, malah 'ikan besar di kolam besar' atau lebih jelasnya bahawa kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara

maju yang lain," katanya.

Seorang lagi peserta yang berasal dari Kampung Kitang, Kuala Penyu, Dyr Roziawaty Kifli berkata pihak jawatankuasa telah menetapkan beberapa objektif yang perlu dicapai selepas